

02/06/2003

Sokongan orang ramai bantu jayakan kempen antimerokok

Putera Johor

PERDANA Menteri baru-baru ini, dilaporkan begitu kecewa dengan peningkatan

tabiat merokok, terutama oleh pelajar sekolah dan remaja di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sangat bimbang melihat semakin ramai murid dan remaja termasuk gadis dan wanita muda terbabit dengan tabiat itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Kesihatan melaksanakan program antimerokok yang lebih menyeluruh bagi memerangi gejala itu.

Kempen itu sepatutnya sudah lama diadakan bagi menyedarkan orang ramai mengenai bahaya merokok bukan saja kepada perokok itu sendiri, malah lebih penting orang di sekeliling mereka.

Kepada orang yang belum merokok, kempen itu hendak diuruskan supaya mereka tidak merokok dan memulakan tabiat itu. Bagi yang merokok, hentikan segera ketagihan itu.

Kerajaan sebenarnya, sudah menggerakkan usaha ke arah itu. Pada awal tahun ini, kerajaan mengharamkan semua jenis promosi rokok secara tidak langsung, termasuk melalui produk, jenama dan percutian di media massa.

Sebelum ini, kerajaan meluluskan undang-undang yang melarang mereka yang berumur kurang 18 tahun daripada membeli rokok.

Bagaimanapun, mereka yang di bawah umur masih dapat membeli rokok berikutan tiada penguatkuasaan terhadap peraturan itu.

Tiada siapa yang peduli dengan peraturan itu.

Bagaimana, mereka di bawah umur boleh merokok dengan bebas tanpa bekalan. Jika peniaga dan pekedai prihatin terhadap peraturan itu, mereka tidak akan menjual rokok kepada remaja di bawah 18 tahun. Ini kerana ibu bapa tidak mungkin membeli rokok untuk anak mereka.

Mereka dengan mudah membeli rokok walaupun pekedai dan peniaga dilarang menjualnya kepada golongan itu.

Malangnya peniaga dan pekedai hanya mementingkan keuntungan semata-mata daripada melaksanakan peraturan itu yang dianggap boleh merugikan mereka.

Jika mereka prihatin dan sama-sama mahu membantu kerajaan bagi mengurangkan atau menghapuskan tabiat merokok, pekedai dan peniaga tidak melakukan perbuatan itu.

Memanglah sukar untuk mengambil tindakan terhadap peniaga yang melanggar peraturan itu, tetapi pihak berkuasa pasti mempunyai cara tersendiri bagi memerangkap peniaga yang membelakangkan peraturan.

Dalam apa juga kempen, kerjasama orang ramai paling penting untuk

memastikan kejayaannya. Tanpa kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, kempen hanya tinggal kempen, tanpa sebarang faedah.

Orang ramai boleh melaporkan kepada pihak berkuasa jika ada pekedai atau peniaga yang menjual rokok kepada remaja di bawah umur.

Jika ternampak pelajar sekolah merokok pula, mereka boleh memberitahu guru sekolah terbabit supaya tindakan dapat diambil terhadap pelajar itu.

Usahlah kita bersikap acuh tidak acuh terhadap semua kempen yang dijalankan oleh kerajaan. Setiap usaha yang dilakukan kerajaan untuk kebaikan semua pihak.

Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian dalam kempen antimerokok itu mengenakan tindakan berbentuk moral atau kemasyarakatan terhadap mereka yang merokok di tempat yang dilarang berbuat demikian.

Contohnya, jika ada negara yang mengenakan denda seperti menyapu sampah

dan membersih tandas awam kepada mereka yang membuang sampah, menyeberang

jalan tanpa menggunakan jejantas atau meludah, tidak salah jika denda sedemikian dikenakan terhadap mereka yang merokok di tempat larangan.

Perbuatan merokok bukanlah satu kesalahan, tetapi melakukannya di tempat

dilarang adalah satu kesalahan. Perkara ini perlu ditekankan kepada orang

ramai.

Kerajaan juga perlu menjadikan lebih banyak tempat sebagai kawasan larangan merokok. Dengan cara itu, diharap dapat mengurangkan tabiat merokok kerana mereka kurang berpeluang berbuat demikian.

Kesedaran terhadap bahaya merokok hendaklah dipertingkatkan dan perlu bermula dari rumah. Ibu bapa yang merokok perlu menghentikan perbuatan itu

jika mahu anak mereka tidak melakukan tabiat buruk itu.

Jika mereka sendiri merokok, bagaimana hendak menyatakan kepada anak bahawa merokok itu berbahaya atau memudaratkan orang sekeliling.

Kesedaran ini perlu dipupuk dari rumah sejak anak-anak masih kecil.

Kita biasa mendengar orang berkata `kecil-kecil hisap rokok, sudah besar

hisap dadah.' Jika kita tidak mahu anak terjebak kepada kegiatan yang lebih buruk, kita sepatutnya mendidik mereka supaya menjauhi gejala awal yang boleh mendorong ke arah itu.

PUTERA JOHOR,

Johor Bahru, Johor.